

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran dan program/aktiviti bawah Bekalan 11, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 di mana Sekolah Tahfiz, Sekolah Pondok Berdaftar dan Sekolah Agama Rakyat diperuntukkan RM100 juta. Sama ada peruntukan juga disediakan untuk Sekolah Menengah Persendirian Cina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam sidang dewan yang mulia ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi tujuan penyelenggaraan Sekolah Tahfiz, Sekolah Pondok Berdaftar dan Sekolah Agama Rakyat. Peruntukan ini disediakan di bawah B.11 Perkhimatan Am Perbendaharaan di bawah butiran 021300 – Pemberian Kemudahan Projek Khas.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, butiran B11 Pemberian Kemudahan Projek Khas yang disediakan RM922 juta, berdasarkan amalan digunakan untuk membiayai langkah tambahan yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2021.

3. Antara langkah-langkah ucapan Belanjawan yang turut dibiayai di bawah peruntukan ini ialah keperluan tambahan RM120 juta bagi penambahbaikan Rancangan Makanan Tambahan untuk pelajar miskin, geran padanan untuk NGO dan social enterprise sebanyak RM100 juta terutamanya bagi program peningkatan pendapatan bagi golongan rentan, menangani isu sosial seperti penderaan kanak-kanak dan gelandangan, serta pelbagai langkah yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat termasuk peluasan subsidi pengangkutan awam bas, geran untuk taska, pusat aktiviti warga emas serta perkhidmatan ATM bergerak bagi pedalaman Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.